

**INSTITUSI MASJID DAN AMALAN 3R :
PRAKTIS DI SURAU AL-HUSNA, SHAH ALAM, SELANGOR**

Mohd Takiyuddin Ibrahim^{1,a}, Huzaimah Ismail^{2,b}

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari(ACIS),
Pusat Asasi UiTM, Dengkil, Selangor.

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari(ACIS),
UiTM, Shah Alam, Selangor.

^amtaki986@salam,uitm.edu.my, ^bhuzaimah@salam.uitm.edu.my

Kata kunci: Pengurusan sisa pepejal, 3R, pemuliharaan alam sekitar

Abstrak. Perancangan yang teliti dan pengawalan sumber yang cekap merupakan faktor utama ke arah pencapaian pengurusan sisa pepejal yang cekap dan lestari. Dalam perancangan pengurusan sisa pepejal, elemen 3R iaitu Reuse, Reduce dan Recycle perlu diterap dan dimanfaatkan sebaik mungkin dengan berteraskan kepada hirarki pengurusan sisa pepejal. Masyarakat sering beranggapan bahawa pengurusan sisa pepejal adalah semata-mata tanggungjawab pihak berkuasa. Tanggapan ini salah kerana pengurusan sisa pepejal secara sempurna tidak akan tercapai sekiranya tidak mendapat kerjasama dari masyarakat. Manusia sebagai khalifah dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan memulihara alam sekitar berdasarkan prinsip Islam. Amalan sisa sifar merupakan suatu amalan mulia yang digalakkan dalam ajaran Islam. Oleh itu komitmen masyarakat dalam penghayatan amalan 3R adalah penting dalam merealisasikan matlamat sisa sifar tercapai. Kajian ini akan melihat kejayaan praktis amalan 3R yang dilaksanakan di Surau al-Husna, Shah Alam, Selangor.

Pendahuluan

Pengurusan sampah di Malaysia merupakan suatu isu yang sering dibincangkan kerana kos pengurusannya yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Di negara-negara maju, isu ini juga sering dibincang dan diperdebatkan. Sampah atau lebih dikenali dengan sisa pepejal jika diuruskan dengan cara yang efisien akan menjadikannya suatu sumber yang bernilai. Namun demikian, inisiatif 3R iaitu kitar semula, guna semula dan pengurangan sampah masih belum lagi menunjukkan hasil yang sepatutnya. Masyarakat Islam di Malaysia sepatutnya menjadi contoh yang terbaik dalam menghayati amalan ini kerana ianya selari dengan kehendak ajaran Islam yang menggalakkan kebersihan dan tidak mengamalkan pembaziran dalam kehidupan mereka. Bagi menjayakan program ini, kesedaran awam tentang pentingnya pemuliharaan alam sekitar perlu diterapkan dalam kehidupan masyarakat Islam. Melalui kesedaran dan amalan yang telah diterapkan boleh menjadikan program 3R ini sebahagian daripada kehidupan harian mereka.

Kepentingan Program 3R Menurut Perspektif Islam

Islam sangat menggalakkan manusia untuk menjaga alam sekitar agar dapat menerima bahawa alam adalah nikmat anugerah Allah SWT supaya mereka dapat melihat kebesaranNya, mengambil iktibar dan menerimanya dengan penuh kesyukuran. Krisis alam sekitar yang belum berakhir mendorong umat Islam mengambil penyelesaian secara drastik menurut dasar-dasar yang ditunjukkan oleh Islam. Amalan sisa sifar seperti guna semula dan kitar semula adalah selaras dengan prinsip-prinsip etika Islam tentang amalan tidak membazir.(Shahrom Md Zain, 2015)

Kepentingan amalan 3R dapat dirumuskan sebagaimana berikut :

Menjaga Kebersihan. Kebersihan merupakan perkara yang dituntut dalam ajaran Islam agar hambaNya sentiasa menjaganya, memeliharanya dan mengamalkannya dalam kehidupan harian. Orang-orang yang benar-benar bertaqwa kepada Allah adalah mereka yang bersih dari segi lahiriah dan batiniah atau bersih dari segi jasmani dan rohani. Kebersihan lahiriah atau jasmani menggambarkan akhlak seseorang muslim dalam kehidupan bermasyarakat. Kebersihan dapat dibuktikan melalui semua kegiatan hidup samada makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, kenderaan, persekitaran dan segala aspek kehidupan.

Oleh itu, amalan 3R amat digalakkan dalam Islam kerana ia dapat menjaga kebersihan dengan tidak membuang semua sisa pepejal yang boleh diguna semula ke dalam tong sampah. Dengan mengamalkan amalan ini, jumlah sampah akan semakin berkurangan dan dapat diurus dengan baik dan sistematik. Di samping itu persekitaran juga menjadi semakin cantik dan bersih. Jika amalan ini berjaya dilaksanakan oleh seluruh masyarakat Islam khususnya di negara Islam jelas menunjukkan tuntutan Islam dapat dipenuhi dengan jayanya sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud;

“Sesungguhnya Allah itu baik, suka kepada benda yang baik, bersih suka kepada benda yang bersih, mulia suka kepada kedermawan, maka bersihkanlah rumah-rumah kamu dan jangan menyerupai rumah orang-orang Yahudi”

(Riwayat Tirmizi)

Menghindari Pembaziran. Pembaziran merupakan suatu amalan yang dilarang dalam ajaran Islam kerana ianya menyebabkan sumber-sumber yang sepatutnya masih boleh digunakan dibuang begitu sahaja. Oleh itu, amalan 3R menunjukkan penggunaan barangan adalah secara optimum dan dapat mengelakkan pembaziran. Tidak semua sisa pepejal akan dibuang tetapi akan digunakan untuk menghasilkan sesuatu yang bermanfaat untuk kebaikan manusia dan makhluk yang lain. Allah SWT memberi amaran tentang pembaziran adalah amalan syaitan sebagaimana firmanNya yang bermaksud;

إِنَّ الْمُبْدِرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

“Sesungguhnya pemboros-pemboros adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya”

(al-Isra’: 26-27)

Rasulullah SAW juga pernah menyarankan supaya mengambil manfaat terhadap binatang walaupun telah mati iaitu seekor kambing yang telah mati tetapi tidak mengambil manfaat kulitnya. Ini jelas dapat dilihat dalam sabdanya

“Tidakkah kamu boleh mengambil manfaat dengan menyamaknya? Mereka menjawab : Sebenarnya ia bangkai. Sabda Nabi SAW : Sesungguhnya yang haram adalah makannya sahaja”

(Riwayat al-Bukhari dan Ahmad)

Hadith ini menjelaskan bahawa haram memakan bangkai tetapi boleh memanfaatkannya seperti kulitnya disamak terlebih dahulu di samping memaksimumkan penggunaannya. Hadith ini juga menunjukkan bahawa kulit binatang yang disamak menjadi bersih sekalipun ia daripada binatang yang tidak dimakan dagingnya. Pendapat ini dipersetujui oleh Imam Syafei dan Imam Abu Hanifah. Memanfaatkan kulit, tanduk, tulang atau pun rambutnya tidak menjadi kesalahan malah digalakkan kerana ianyan masih boleh digunakan oleh manusia serta boleh menjadi sumber sekiranya dijual. (Zulkifli, 2012) Dalam hadith yang lain, Rasulullah SAW bersabda :

Maksudnya : “Suatu riwayat daripada Ummu al-Mu’minin Saudah RA, beliau berkata : Suatu peristiwa seekor kambing kami telah mati, lalu kami menyamak kulitnya, kemudian kami letakkan padanya kurma agar menjadi manis air padanya sehinggalah dia menjadi tempat simpanan air yang kekal”

Hadith ini menunjukkan kulit binatang tidak dibuang begitu sahaja tetapi telah dikitar semula untuk menjadi tempat simpanan air yang boleh dimanfaatkan oleh semua orang. Oleh itu pembaziran merupakan sesuatu yang dilarang dalam ajaran Islam. Sesuatu bahan selagi ianya masih boleh digunakan hendaklah jangan dibuang menjadi sampah kerana ianya merupakan suatu pembaziran.

Mendidik Masyarakat Bertanggungjawab Dan Cintakan Alam Sekitar. Amalan 3R dapat memupuk anggota masyarakat perasaan cintakan alam sekitar serta menjaga kebersihan persekitaran. Melalui aktiviti ini juga, anggota masyarakat dididik agar tidak membuang barangan yang boleh dikitar semula tetapi menyimpan dan menghantarnya ke tempat kitar semula berdekatan seperti masjid, surau, pusat kitar semula dan sebagainya. Amalan sebegini akan dapat mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar. Disamping itu, kesejahteraan kesihatan juga boleh terganggu sekiranya pembangunan dan pengurusan sampah dilakukan secara yang tidak mampan. Contohnya sampah sarap yang tidak diuruskan dengan baik dan sempurna.(Haliza, 2012)

Oleh itu tanggungjawab untuk menjaga alam sekitar perlu dipikul secara bersama agar semua anggota masyarakat dapat hidup dengan selesa. Kecintaan terhadap alam sekitar yang dipupuk melalui amalan 3R ini akan dapat membantu menjamin kelangsungan alam sekitar yang mampan secara berterusan.

Mengurangkan Jumlah Sampah. Sampah merupakan bahan buangan hasil daripada aktiviti sosioekonomi manusia yang berbentuk sisa pepejal, mempunyai sifat kotor dan dianggap tidak berguna. Di Malaysia buangan sisa pepejal menunjukkan aliran yang semakin meningkat setiap tahun. Pada tahun 2000 anggaran sampah sarap yang dijana di Malaysia bagi tempoh sembilan hari bersamaan dengan ketinggian bangunan Kuala Lumpur City Center (KLCC) iaitu setinggi 88 tingkat. Dianggarkan secara purata, seorang penduduk Malaysia menghasilkan sisa pepejal berjumlah 0.95 kg/hari.(Berita Harian, 30/1/2014) Pada tahun 2001 sisa pepejal di Semenanjung Malaysia meningkat dari 16,200 tan sehari kepada 19,100 tan sehari pada tahun 2005 iaitu purata 0.8 kg per kapita sehari. Jumlah sampah juga semakin meningkat sehingga dijangka mencecah 30,000 tan sehari dalam tempoh kurang dari 11 tahun.(Sinar Harian, 3/1/2010) Kajian yang dilakukan pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu(DBKK) dengan Danish Cooperation for Urban Environment and Development(DANCED) mengenalpasti bahawa 50% sampah yang dilupus terdiri daripada sisa yang boleh dikitar

semula, 45% adalah sisa organik yang boleh dikompos dan selebihnya adalah sisa yang tidak boleh dikitar atau dikompos. Matlamat jangka panjang yang dicadangkan ialah mengitar semula 15% daripada jumlah sisa yang dihasilkan pada tahun 2015 dan seterusnya menganjak hierarki pengurusan sisa supaya tidak bergantung sepenuhnya kepada kaedah pelupusan(landfill).(Haliza, 2012) Oleh itu, langkah terbaik bagi mengatasi masalah ini ialah dengan mengamalkan konsep 3R iaitu mengurangkan penghasilan, mengguna semula dan mengitar semula bahan buangan.

Mengurangkan Kos Perbelanjaan Pengurusan Sampah. Program 3R dapat membantu kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan pengurusan sampah kerana PBT terpaksa membelanjakan 40 hingga 70 peratus hasil cukai taksiran yang dikutip untuk pengurusan sampah. Penjana sampah bagi setiap penghuni bandar khususnya Kuala Lumpur mencapai 1.25 kg pada tahun 2013. Situasi ini juga menunjukkan penduduk Malaysia telah menjana sampah sebanyak 30,000 hingga 33,000 tan sampah sehari. Kerajaan juga telah membelanjakan sebanyak 1.2 bilion bagi tujuan pengurusan sampah pada tahun 2013. Angka ini pada jangkaan hanya dicapai pada tahun 2020 namun dihadapi 7 tahun lebih awal. Keadaan ini amat kritikal kerana secara purata setiap individu hanya boleh membuang sampah sekitar 0.8 kg sahaja dan tidak boleh lebih. Jika jumlah sampah yang dikutip semakin meningkat, ianya akan memberi kesan kos pengurusan sisa pepejal berikutan tapak pelupusan sampah semakin terhad sedangkan bahan buangan semakin meningkat.(Berita Harian, 20/1/2014) Pengurusan pelupusan sisa pepejal di Malaysia dikendalikan oleh pihak Berkuasa Tempatan, contohnya Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) membelanjakan hampir 50 juta setahun untuk melaksanakan kerja mengutip sampah domestik, sampah pukal dan sampah yang dibuang secara haram.

Oleh itu, amalan 3R akan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat Islam tentang perlunya pengurusan sampah dengan betul serta gaya hidup harian yang mengutamakan kebersihan. Dengan cara ini, kos pengurusan sampah akan dapat dijimatkan oleh pihak kerajaan.

Menggalakkan Amalan Bersedekah. Amalan 3R dapat mendidik anggota masyarakat menyumbang dalam apa jua bentuk barangan yang masih berguna dan berfaedah untuk kegunaan anggota masyarakat yang lain. Sekiranya barangan yang boleh dikitar semula tersebut tidak didermakan kepada pihak-pihak lain yang memerlukan seperti rumah-rumah kebajikan, masjid, surau dan lain-lain, lazimnya barangan tersebut akan dibuang ke dalam tong sampah. Sikap sebegini melambatkan pembaziran sedangkan barangan tersebut masih boleh dimanfaatkan untuk kegunaan kutipan derma bagi membina masjid, surau dan seumpamanya. Ini bererti pihak-pihak berkenaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan(PBT), masjid, surau, rumah kebajikan dan lain-lain telah dapat menyediakan satu ruang bagi anggota masyarakat melaksanakan amalan bersedekah daripada barangan yang tidak digunakan lagi kepada amalan yang bermanfaat dan diharapkan moga-moga Allah SWT memberikan ganjaran yang setimpal dengan amalan tersebut. Seterusnya menggalakkan umat Islam untuk sentiasa bersama-sama dengan program kemasyarakatan dan kebajikan bagi kebaikan masyarakat Islam khususnya. Menghadihkan atau mewakafkan buku-buku yang telah digunakan untuk memperbanyakkan koleksi perpustakaan samada perpustakaan awam, masjid dan sebagainya. Amalan ini selaras dengan Sabda Rasulullah S.A.W.:


“Setiap yang makruf sedekah”

(Riwayat al-Bukhari, Abu Daud, al-Tirmizi dan Ahmad)

Hadith ini menunjukkan bahawa semua bentuk amalan makruf dan kebaikan adalah dikira sebagai sedekah di sisi Allah SWT termasuklah dalam bentuk apa-apa sumbangan yang masih ada manfaat dan faedahnya kepada anggota komuniti seperti amalan 3R.

Pengalaman Program 3R di Surau al-Husna, Seksyen 20, Shah Alam.

Program Kitar Semula. Program kitar semula merupakan salah satu aktiviti kemasyarakatan yang telah dilaksanakan oleh pihak Ahli Jawatankuasa surau dan anggota kariah Surau Al-Husna, Seksyen 20, Shah Alam sejak 25hb. Julai 2005 dengan kerjasama pihak Majlis Bandaraya Shah Alam(MBSA). Program ini diadakan pada asalnya bertujuan untuk menambahkan dana bagi membina bangunan surau yang baru dan pelaksanaan program-program surau. Kini pelaksanaan program 3R lebih kepada pengumpulan dana untuk menampung kos pengurusan surau serta untuk menggalakkan amalan bersedekah dan menanamkan perasaan cintakan kepada alam sekitar. Pendapatan keseluruhan selama sebelas tahun ialah **RM51,462.041** (bermula bulan Julai 2005 hingga bulan Julai 2016). Purata pendapatan setiap bulan sebanyak RM390.00. Pendapatan ini akan digunakan bagi menampung aktiviti surau dan membayar bil-bil surau. Ini menunjukkan bahawa barangan yang tidak berfaedah boleh dimanfaatkan menjadi nilai yang berguna sekiranya diuruskan dengan baik. Dengan ini pembaziran dapat dielakkan. Statistik pengumpulan bahan kitar semula dan hasil pendapatan adalah seperti di dalam rajah berikut :




Rajah 1 : Data Tahunan Berat Bahan Kitar Semula dan Hasil Jualan Terkumpul Julai 2005 – Disember 2016

Berpandukan kepada data-data di atas, berlaku turun dan naik bahan yang di kitar semula pada setiap tahun sejak ianya dilaksanakan. Ini menunjukkan komitmen masyarakat untuk menjayakan program ini adalah sentiasa berterusan. Sejak program ini dilaksanakan, sampah-sampah dalam bentuk barangan kitar semula yang dibuang ke dalam longkang besar berhampiran surau juga semakin berkurangan. Ini memberi keyakinan betapa besarnya faedah aktiviti ini ke arah mengurangkan pencemaran sungai dan laut akibat aktiviti pembuangan sampah secara yang tidak teratur.

Kitar Semula Minyak Masak Terpakai. Program kitar semula minyak masak terpakai telah dilancarkan sejak bulan Disember 2008. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak Majlis Bandaraya Shah Alam(MBSA), Lembaga Urus Air Selangor(LUAS) dan Pejabat Yang Berhormat ADUN Batu Tiga, Shah Alam. Minyak masak yang didermakan oleh ahli komuniti Surau al-Husna akan dimasukkan ke dalam tong yang diletakkan di sebelah Rumah Kitar Semula surau. Sejak dilancarkan jualan pertama telah dibuat pada bulan Jun 2009 dan memperolehi pendapatan sebanyak RM160.00. Hingga kini jumlah kutipan semakin meningkat pada setiap bulan berbanding peringkat permulaan perlaksanaannya. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada anggota masyarakat mengenai kepentingan amalan kitar semula sisa minyak masak terpakai ke arah mewujudkan komuniti yang mengamalkan kitar semula dalam kehidupan mereka demi menjaga kelestarian alam sekitar. Program ini juga bertujuan menyedarkan orang ramai mengenai sisa minyak masak boleh dikitar semula untuk menghasilkan bahan bio diesel, lilin, bahan pencuci, sabun untuk membasuh pinggan mangkuk dan bahan campuran dalam pembuatan makanan haiwan ternakan.(Sinar Harian, 15/7/2009) Sekiranya program ini tidak dilaksanakan, semua sisa minyak masak terpakai akan dibuang ke dalam sink di rumah masing-masing. Amalan ini akhirnya akan menyebabkan keladak minyak masak tersebut akan mengalir ke dalam longkang dan seterusnya ke dalam sungai. Ianya akan menyebabkan berlakunya pencemaran kepada sungai dan juga boleh menyebabkan sink mudah tersumbat. Statistik jumlah pungutan dan pendapatan yang diperolehi sepertimana yang diberikan di dalam Rajah 2.

Berdasarkan statistik di atas menunjukkan bahawa kesedaran anggota komuniti surau semakin meningkat untuk mengitar semula minyak masak terpakai. Pada peringkat permulaan perlaksanaannya, hasil pungutan hanya boleh dijual dalam tempoh 6 bulan sekali atau 2 kali setahun. Namun setelah 7 tahun perlaksanaannya, kekerapan jualan semakin meningkat sehingga menjadi 3 atau 2 bulan sekali. Pihak pengusaha kedai makan berdekatan juga turut menyumbang dalam kuantiti yang banyak kepada pihak surau. Sehingga kini pihak surau telah berjaya menyelamatkan sebanyak 297.5 kilogram minyak masak terpakai dari dibuang ke dalam sinki atau longkang yang boleh menyebabkan berlakunya pencemaran terhadap aliran air sungai atau longkang.



Rajah 2 : Data Jumlah Kutipan dan Hasil Pendapatan Minyak Masak Terpakai Dari Januari 2009 – Disember 2016

Penggunaan Semula Kayu-kayu Surau Lama Untuk Membuat Kerusi dan Meja. Kayu-kayu terpakai dari bangunan surau kabin yang lama telah dikumpulkan bertujuan untuk kegunaan pembuatan meja dan kerusi serta menampung kos pembinaan Pusat Kitar Semula Surau. Melalui program ini wakaf anggota komuniti terdahulu masih lagi dapat dimanfaatkan agar jariah mereka berterusan kerana ianya masih digunakan untuk perkara kebaikan tetapi dalam bentuk yang lain. Kos pembinaan juga dapat dijimatkan kerana menggunakan bahan terpakai yang dikitar semula. Contohnya kos pembinaan Rumah Kitar Semula Surau hanya bernilai RM3,000 sahaja berbanding penggunaan bahan mentah baru yang memerlukan perbelanjaan lebih besar.

Penggunaan Semula Buku-buku Untuk Perpustakaan Mini. Buku-buku yang telah dihantar untuk dikitar semula telah dipilih terlebih dahulu oleh pihak urusetia bagi memastikan buku-buku agama khususnya dan buku-buku teks serta bacaan umum yang masih boleh digunakan disimpan untuk dijadikan sebagai koleksi perpustakaan mini surau. Program ini telah dimulakan sejak bulan Januari 2012 sebaik sahaja surau telah dibuka dan boleh digunakan. Manakala rak-rak buku terpakai diperolehi melalui sumbangan dari pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) yang telah berpindah ke bangunan baru. Sehingga kini terdapat sebanyak 7 buah rak buku telah diletakkan dalam ruang solat dan beranda surau. Selain itu buku-buku baru juga turut diperolehi melalui wakaf anggota komuniti untuk digunakan sebagai bahan rujukan kuliah maghrib, subuh dan zuhur. Koleksi buku terdapat dalam dari pelbagai bidang tetapi yang paling banyak adalah buku-buku teks dan rujukan peringkat sekolah rendah dan menengah.

Kutipan Pakaian Terpakai Untuk Didermakan Kepada Pihak Yang Memerlukan. Program kutipan pakaian terpakai telah dilaksanakan sejak tahun 2004 bertujuan untuk didermakan kepada pihak-pihak yang memerlukan dan mengelakkan daripada berlakunya pembaziran sebab masih boleh digunakan. Perlaksanaannya adalah secara bermusim bagi mengelakkan timbul masalah tempat pengumpulan pakaian dalam tempoh yang lama. Sejak pelaksanaan program ini, antara pihak-pihak yang telah mendapat manfaat ialah masyarakat Islam di Aceh Besar, Indonesia selepas peristiwa tsunami, masyarakat Islam di Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia sempena lawatan muhibbah rombongan surau, Madrasah di Satun, Thailand untuk kegunaan para pelajar dan masyarakat Islam setempat, masyarakat Islam Rohingya di Kelang, Selangor, masyarakat Islam di Selatan Mindanao, Filipina dan yang terakhir adalah untuk mangsa-mangsa banjir di Kelantan dan Trengganu pada bulan Disember 2014. Program ini sentiasa mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan kerjasama yang amat baik dari anggota komuniti Surau al-Husna. Mulai 22hb Julai 2017, pihak surau telah melancarkan program ini secara resmi dengan menempatkan sebuah tong bagi mengumpulkan bahan-bahan tersebut. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Rcomm Lestari. Kutipan pakaian, kasut, beg tangan tali pinggang dan cadar terpakai akan dilakukan secara berkala.

Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Air Hujan (SPAH). Program ini telah dilaksanakan sejak 28 Jun 2012 bertujuan untuk memanfaatkan air hujan bagi kegunaan pencucian tandas dan siraman pokok. Pembinaan bangunan

untuk pelaksanaan sistem ini telah disumbangkan oleh pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Melalui pelaksanaan program ini, pemantauan kualiti air hujan dapat dijalankan oleh pihak LUAS dan boleh dikenalpasti Indeks Kualiti Air berada pada 70.90 iaitu Kelas 111.

Penggunaan Semula Lebih Air Wudhu Untuk Siraman Tanaman (SPAW). Program ini mula dilaksanakan secara resmi pada 22hb. Julai 2017 dengan siapnya pembinaan sebuah kolam untuk mengambil wudhu. Air lebih dari wudhu akan dialirkan ke sebuah tangki penyimpanan yang terletak di dalam tanah. Tangki ini boleh memuatkan 200 liter air. Air dari tangki ini akan digunakan untuk menyiram tanaman yang terdapat di sekeliling bangunan surau. Sekiranya air dalam tangki tersebut melebihi dari kemampuan muatannya, ianya akan mengalir secara automatik ke dalam longkang yang terdapat di sebelahnya. Dengan pelaksanaan program ini, ianya dijangka akan dapat menjimatkan penggunaan air khususnya untuk digunakan bagi siraman pokok dan juga dapat mengguna semula air yang telah digunakan tanpa dibazirkan begitu sahaja tanpa sebarang manfaat yang sepatutnya.

Pengumpulan Sisa Dapur dan Kebun Untuk Pembuatan Baja Kompos. Program ini telah dilaksanakan mulai Oktober 2017. Melalui pelaksanaan program ini, sisa-sisa dapur dan sisa-sisa kebun akan dikumpulkan dalam satu bekas dan dicampurkan dengan EM untuk mempercepatkan penguraiannya. Setelah 3 atau 4 bulan, bahan tersebut akan bertukar menjadi baja kompos dan sedia untuk digunakan. Semasa proses tersebut, air lebih dari bekas tersebut boleh digunakan untuk menyiram tanam-tanaman.

Lanskap Lestari. Lanskap lestari yang telah dilaksanakan ialah dengan menggunakan bahan-bahan terpakai untuk dijadikan sebagai lanskap di kawasan persekitaran. Antara bahan-bahan terpakai yang telah digunakan ialah sabut kelapa, tempurung kelapa, tayar terpakai, kualiti terpakai, batang kayu, marmar terpakai dan bekas-bekas terpakai yang boleh digunakan sebagai pasu bunga. Program ini telah dimulakan sejak bulan September 2017.

Penggunaan Semula Beg Plastik Beras dan Banner Terpakai. Beg plastik beras telah dijahit semula untuk dijadikan sebagai beg-beg plastik untuk pelbagai kegunaan harian. Beg plastik adalah lebih tahan lasak dan lambat rosak. Banner terpakai pula juga telah dijahit semula untuk dijadikan sebagai apron dan pelapik pinggan mangkuk dan gelas. Program ini telah mula dilaksanakan sejak bulan November 2017.

Cabaran

Sepanjang pelaksanaan program ini dilaksanakan, terdapat beberapa cabaran dan permasalahan yang dihadapi. Antaranya adalah seperti berikut : (Kian Ghee Tiew, 2014)

- i. Menghantar barangan yang tidak boleh dikitar semula seperti perabot, barang mainan dan sebagainya.
- ii. Mencampurkan bahan kitar semula dengan sampah seperti napkin bayi, susu bayi dan barangan dapur. Percampuran ini berlaku kerana mereka tidak mengambil berat keperluan pengasingan tersebut perlu dilakukan sejak dirumah atau mereka tidak mempunyai masa untuk melakukan pengasingan tersebut.
- iii. Lambakan bahan kitar semula sehingga keluar dari stor pengumpulan kerana terlalu banyak barangan yang dihantar sekiranya penjualan lambat dilakukan. Lazimnya setiap bulan penjualan mesti dilakukan bagi mengelakkan lambakan barangan tersebut. Kadang kala setelah dua minggu pengumpulan, lambakan barangan juga turut berlaku. Pihak ahli jawatankuasa akan melakukan penjualan secara lebih kerap seperti dua minggu sekali bagi mengelakkan lambakan barangan dan bau yang tidak menyenangkan.
- iv. Penglibatan masyarakat yang tidak menyeluruh. Melalui kempen kesedaran yang dilakukan dari semasa ke semasa telah berjaya meningkatkan penglibatan anggota masyarakat bagi menjayakannya.
- v. Harga jualan barangan yang tidak stabil. Situasi ini akan menyebabkan jumlah kutipan hasil jualan berkurangan kerana harga yang turun disebabkan penurunan harga minyak dan seumpamanya.
- vi. Tidak semua anggota masyarakat memahami kepentingan pemuliharaan alam sekitar kerana telah merasakan pihak berwajib perlu melaksanakannya tanpa perlu kerjasama daripada penduduk.
- vii. Kefahaman anggota masyarakat yang menganggap pemuliharaan alam sekitar bukan sebahagian daripada tuntutan agama dan termasuk dalam kategori ibadah.

Kesimpulan

Dorongan pemuliharaan alam sekitar seperti yang dianjurkan oleh al-Quran dan al-Hadis perlu dihayati dan diaplikasikan dalam kehidupan individu dan masyarakat Muslim di negara ini. Dengan pelaksanaan dan penghayatan program 3R secara menyeluruh dapat membantu menyelamatkan alam daripada tercemar. Seterusnya membantu kerajaan mengurangkan perbelanjaan, mendidik masyarakat memahami pentingnya pemuliharaan alam sekitar demi kesejahteraan hidup generasi kini dan akan datang. Semua ini bersesuaian dengan tuntutan agama kerana dapat menyelamatkan nyawa manusia dan makhluk yang lain daripada ancaman pencemaran alam akibat perbuatan manusia. Oleh itu, adalah menjadi harapan agar pengurusan sisa pepejal secara teratur dan amalan 3R dapat dibudayakan dalam kehidupan harian supaya dapat membantu

pihak kerajaan dan pihak berkuasa tempatan khususnya setelah pihak kerajaan mewajibkan pengasingan sisa pepejal di punca mulai 1hb September 2015.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdul Hayei Abdul Sukor.(2010), *Tafsir Pedoman Muttaqin Juz.1*, Putra Jaya ; JAKIM.

Berita Harian, 30hb. Januari 2014

Berita Harian, 20hb. Januari 2014

Haliza Abdul Rahman dan rakan-rakan.(2012), *Isu Persekitaran dan Kesihatan di Malaysia*, Batu Pahat : Penerbit UTHM.

Kian Ghee Tiew dan rakan-rakan(2014), Assessment Of The Sustainability Level of Community Waste Recycling Program in Malaysia dalam *Jurnal of Cycles and Waste Management*, Japan : Springer

Shahrom Md Zain dan rakan-rakan(2015), *Kampus Sisa Sifar Transformasi Pengurusan Sisa Pepejal*, Bangi : Penerbit UKM

Sinar Harian, 3hb. Januari 2010

Sinar Harian, 15 Julai 2009

Zulkifli Mohamad al-Bakri.(2012), *Al-Lu'lu' Lil Mukminin Permata Buat Orang Yang Beriman Jilid 2*, Nilai : Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.